



PROGRAM KECEMERLANGAN UPSR UNTUK SK GENTISAN

Seramai 103 orang pelajar tahun enam dari SK Gentisan menghadiri Program Kecemerlangan UPSR yang dianjurkan oleh Suria Capital Holdings Berhad di Wisma SabahPorts untuk mengukuhkan persediaan akhir mereka dan meningkatkan kecemerlangan dalam peperiksaan UPSR yang dijadualkan pada akhir September ini.

Suria Capital telah menganjurkan program ini sebagai sebahagian daripada aktiviti tanggungjawab sosial korporatnya dan komitmen berterusan syarikat untuk meningkatkan mutu pendidikan luar bandar terutamanya dari peringkat sekolah rendah.

Program ini juga bertujuan membantu guru-guru dalam memastikan para pelajar mempunyai motivasi yang tinggi dan bersedia untuk menduduki peperiksaan UPSR. Semasa sesi ceramah, para pelajar diberi taklimat mengenai beberapa teknik dalam menjawab kertas peperiksaan dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Matematik. Penceramah jemputan adalah En. Amiruddin Prihatiran Abdullah dan En. Mixedryanson Reagan Johnson.

SK Gentisan terletak kira-kira 2 kilometer daripada Pelabuhan Kontena Teluk Sapangar dan kebanyakan pelajarnya berasal dari kampung-kampung berdekatan.

Selepas sesi ceramah dan makan tengah hari, para pelajar dan guru berpeluang melihat sebahagian daripada operasi pelabuhan dari Ruang Tinjau, Wisma SabahPorts. Program ini turut disertai oleh anak-anak kakitangan SuriaGroup.

Pelajar dan guru SK Gentisan diketuai oleh Penolong Kanan sekolah, Pn. Flora Bunding.

Turut hadir ialah Datin Mariam Mahmud, Ketua Jabatan Hal Ehwal Korporat dan Komunikasi Kumpulan Suria sebagai penyelaras program dan Puan Junita Tajul Ariffin, Ketua Jabatan Sumber Manusia Kumpulan yang mewakili Pengarah Urusan Kumpulan.

For Media Enquiries, please contact:
Datin Mariam Mahmud
Senior Manager
Group Corporate Affairs and Communications
Tel: 088-257788
HP: 019-821 9888
Email : mariam@suriapl.com.my



Taklimat operasi pelabuhan oleh En. Johnny Bingkong



Para peserta bergambar bersama guru-guru, penceramah dan kakitangan penganjur Suria Capital Holdings Berhad.



Ceramah motivasi daripada En. Amiruddin Pramasiran Abdullah